

## Kepentingan Ilmu Perbandingan Mazhab dan Keutamaan Fiqah Dalam Pengurusan Asrama

Norunnajjah Ahmat & Rohayati Abdullah  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

### ABSTRAK

Malaysia adalah negara yang mempunyai pelbagai kaum yang menganut pelbagai agama. Asrama juga mempunyai kondisi kehidupan yang sama kecuali di beberapa tempat universiti. Apabila timbul isu yang sensitif berkaitan dengan kaum, agama dan bangsa adalah penting bagi seorang pengetua untuk mempunyai dan menguasai dua ilmu iaitu, ilmu perbandingan mazhab dan ilmu keutamaan dalam Fiqah kerana penyelesaian yang tercapai lebih menepati kehendak Syariah Allah. Ilmu perbandingan mazhab mampu membuka ruang yang luas dan memberi pilihan yang lebih terbuka untuk digunakan oleh pengetua apabila sesuatu isu berbangkit. Penguasaan ilmu ini sudah cukup sebenarnya untuk seseorang pengetua, namun jika ilmu yang kedua dikuasai, iaitu ilmu keutamaan dalam fiqah, maka kebarangkalian penyelesaian suatu masalah adalah lebih telus dan diredhai oleh Allah. Kesimpulannya ialah, sesuatu masalah terutamanya yang berkaitan dengan hak Muslim dan bukan Muslim yang menghuni asrama akan menjadi lebih mudah diselesaikan apabila seseorang pengetua mempunyai kedua-dua ilmu iaitu ilmu perbandingan mazhab dan ilmu keutamaan dalam Fiqah.

**Kunci perkataan:** Perbandingan mazhab, keutamaan Fiqah dan pengurusan asrama

### PENGENALAN

Islam ialah agama petunjuk kehidupan manusia kerana ia membawa rahmah di dunia dan juga di akhirat. Surah al-Fatihah yang menjadi surah wajib solat pada ayat 1-2 membuktikan kerahmatan agama Islam dengan menekankan bahawa Allah adalah Tuhan sekian alam yang Maha Rahman (Pemurah) dan Rahim (Penyayang). Allah juga berfirman; *“Jika Tuhanmu mengkehendaki pastilah Dia menjadikan semua manusia itu sebagai umat yang satu, tetapi mereka sentiasa berselisih pendapat”* (Hud: 118). Dan Allah juga berfirman; *“Dan tiadalah Kami menurunkan al-Quran kepadamu (wahai Muhammad) melainkan supaya engkau menerangkan kepada mereka akan apa yang mereka berselisihan padanya, dan supaya menjadi petunjuk dan rahmat bagi orang-orang yang beriman”* (an-Nahl: 64).

Bukti perbezaan amalan sahabat ada pada hadis Rasulullah di mana “Rasulullah pernah memerintahkan Sahabatnya yang akan pergi ke perkampungan Bani Quraizah supaya tidak bersembahyang asar, kecuali setelah sampai di perkampungan tersebut. Namun waktu asar telah tiba semasa mereka masih lagi dalam perjalanan. Lalu ada sahabat yang bersembahyang dan ada yang menanggung sehingga sampai ke perkampungan tersebut. Apabila perkara ini diceritakan kepada Rasulullah s.a.w., Baginda mengiktiraf keputusan kedua-dua belah pihak (H.R. Bukhari dan Muslim). Versi lain pula menceritakan bahawa sejurus berakhirnya perang Ahzab atau perang Khandak, Rasulullah s.a.w. memerintahkan sebahagian para sahabat ke perkampungan Bani Quraizah untuk mengambil tindakan ke atas pengkhianatan yang dilakukan semasa peperangan. Sebelum bertolak Rasulullah s.a.w.

bersabda: “Barang siapa yang beriman dengan Allah dan hari akhirat, maka janganlah dia solat asar melainkan di Bani Quraizhah”. Para sahabat dari Madrasah az-Zawahir menafsir hadis itu secara literal sehingga menyebabkan mereka melewatkan solat asar sehinggalah mereka tiba di perkampungan Bani Quraizhah walaupun telah masuk waktu Maghrib.

Para sahabat dari madrasah al-Maqasid melakukan solat asar ketika di perjalanan kerana berpandangan bahawa tujuan Rasulullah s.a.w. berkata begitu ialah supaya para sahabat bersegera ke sana. Ketika disampaikan hal itu kepada Rasulullah, Baginda tidak menyalahkan mana-mana golongan. Inilah antara bukti bahawa Rasulullah s.a.w. sangat meraikan perbezaan pendapat di kalangan para sahabat malah Baginda membenarkan mereka beramal mengikut ijtihad masing-masing (H.R. Bukhari dan Muslim) (Utusan online 2006). Ayat-ayat al-Quran dan hadis telah membuktikan bahawa Islam membenarkan perselisihan namun ia perlu dikawal selia berlandaskan sumber utama hukum Islam iaitu al-Quran dan al-Sunah. Hal ini seterusnya membawa kepada fenomena mazhab di kalangan Ahli Sunah Wal Jamaah yang banyak diwarnai oleh mazhab Abu Hanifah, Imam Malik, al-Syafie dan Ahmad bin Hanbal.

### Pengenalan untuk Keutamaan Fiqah

Namun, terdapat satu lagi bidang ilmu yang perlu difahami oleh umat Islam iaitu Keutamaan dalam Fiqah. Ini kerana terdapat ketidakseimbangan penumpuan keutamaan di kalangan umat Islam. Jika di lihat dari segi kehidupan sekarang samada dari aspek kebendaan manapun kdari aspek pemikiran, social, ekonomi, politik mahupun yang lain maka sudah wujud kewajaran keutamaan yang tidak seimbang lagi. Ia berlaku di negara Arab mahupun di negara Muslim dengan berbagai perbezaan yang sangat ketara seperti mengutamakan dunia seni dan hiburan berbanding keutamaan dalam bidang pendidikan.

Malahan golongan beragama juga terseleweng dalam hal memahami keutamaan. Sesungguhnya mereka memiliki keikhlasan dalam agama tetapi sibuk dengan perbuatan tidak diterima (*marjuh*) dan mereka menganggapnya sebagai perbuatan yang rajah. Mereka juga sibuk dengan perbuatan yang bukan menjadi keutamaan (*maf dhul*) dan mengabaikan perbuatan yang menjadi keutamaan (*fadhil*). Adalah penting untuk seseorang beragama untuk mengetahui ada masanya sesuatu perbuatan itu adalah perbuatan yang utama (Fadhil) tetapi pada masa yang lain ia bukan perbuatan yang utama(mafdhul) atau pada suatu keadaan tertentu perbuatan itu boleh diterima (rajah) dan pada keadaan yang lain ia tidak boleh diterima. Kejadian ini berlaku kerana pengetahuan dan pemahaman yang kadang-kadang adalah dangkal dan mereka juga kemungkinan tidak berkemampuan membezakan di antara dua masa dan suasana yang berlainan itu (Yusuf al-Qaradhawi, 2009).

### **FITRAH MAZHAB**

Mazhab dari segi bahasa bermakna jalan atau cara berfikir. Dari segi istilah pengajian Islam, ia merujuk kepada jalan atau cara berfikir yang telah diterima sebagai satu kaedah dalam menilai pelbagai perkara terutamanya yang berkaitan dengan bidang ilmu fiqh dan ilmu kalam. Pendapat lain pula memberi definisi perkataan mazhab iaitu dari segi bahasa ia bermakna tempat pergi atau tempat ambilan. Dalam istilah fikah pula ia bermaksud pandangan-pandangan yang terhasil daripada pendekatan atau metodologi yang diguna pakai oleh para ulama iaitu imam-imam mazhab dalam mengambil hukum daripada al-Quran

dan Sunah Rasulullah s.a.w. Kaedah dan sumber yang berbeza bagi menilai isu-isu fiqh ini telah menimbulkan mazhab fiqh yang berbeza-beza seperti empat mazhab yang utama iaitu Hanafiyyah, Malikiyyah, Shafi'iyah dan Hanbaliyyah. Manakala kaedah yang berbeza bagi menilai isu-isu tertentu dalam ilmu kalam atau ilmu yang berkaitan ketuhanan pula telah menimbulkan pelbagai mazhab ilmu kalam seperti 'Ash'ariyyah, Maturidiyyah, Salafiyyah, Mu'tazilah, Qadariyyah, Jabariyyah dan lain-lain lagi. Sebenarnya bibit pertumbuhan mazhab telah bermula sejak zaman para sahabat lagi. Telah wujud apa yang boleh dinamakan sebagai mazhab Abdullah Ibnu Umar, mazhab Aisyah, mazhab Abdullah Ibnu Abbas dan seumpamanya. Seterusnya sejak awal abad ke-2 hingga pertengahan abad ke-4 Hijrah atau bersamaan dengan awal abad ke-8 hingga pertengahan abad ke-10 Masihi pula muncul 13 ulama mujtahidin yang mana koleksi ijtihad mereka telah dibukukan oleh para pengikut masing-masing (Utusan online, 2006).

Para ulama tersebut ialah al-Hasan al-Basri (di Basrah), Abu Hanifah dan Sufyan al-Tsauri (di Kufah), Sufyan bin Uyainah (Makkah), Malik bin Anas (Madinah), al-Syafie dan al-Laits bin Saad (Mesir), al-Awza' ie (Syam), Ishaq bin Rahuwaih (Naisabur), serta Ahmad bin Hanbal, Daud al-Zahiri, Abu Tsaur dan Ibnu Jarir al-Tabari (Baghdad). Walau bagaimanapun, kebanyakan mazhab itu hanya tinggal dalam lipatan sejarah kerana para pengikutnya telah pupus. Apa yang masih kekal hanyalah mazhab empat seperti mana yang kita kenali sekarang. Dalam bidang fiqh, dari segi sejarahnya terdapat lebih daripada sembilan mazhab yang pernah wujud iaitu Hanafi, Maliki, Shafi'i, Hanbali, Laythi, Tabari, Zahiri, Awza'i dan Thawri. Namun begitu, sehingga ini hanya empat mazhab sahaja yang terus kekal dan dipegang oleh kebanyakan umat Islam seluruh dunia iaitu: (1) Mazhab Hanafi berdasarkan pandangan dan kaedah oleh Imam Abu Hanifah r.a. – (80 H/699 M – 150 H/767 M). (2) Mazhab Maliki berdasarkan pandangan dan kaedah Imam Malik r.a. – (934 H/712 M – 179 H/789 M). (3) Mazhab Shafi'i berdasarkan pandangan dan kaedah Imam al-Shafi'i r.a. – (150 H/767 M – 204 H/820 M), dan (4) Mazhab Hanbali berdasarkan pandangan dan kaedah Imam Ahmad ibn Hanbal r.a. – (164 H/780 M – 241 H/855 M)

Dengan itu adalah jelas bahawa kewujudan pelbagai mazhab merupakan natijah daripada kepelbagaian cara berfikir dalam menentukan hukum dan kedudukan sesuatu perkara menurut perspektif syarak. Ia merupakan manifestasi kebebasan berfikir yang dianjurkan oleh Islam. Islam sebagai agama untuk manusia sejagat sepanjang zaman sangat memahami kerencaman hidup manusia yang berbeza-beza antara sesuatu bangsa, sesuatu tempat dan zaman. Dengan itu, mereka tidak dipaksa untuk mengikut hanya satu bentuk cara berfikir sahaja kerana ia akan menyebabkan manusia berada dalam satu suasana hidup yang penuh kesulitan. Oleh itu, Islam memberikan kebebasan kepada manusia memiliki kepelbagaian cara dan kaedah berfikir asalkan ia tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip asas ajaran Islam. Ini bermakna, kepelbagaian mazhab dalam Islam, jika difahami dan dihayati secara betul, merupakan satu kekuatan dan rahmat, bukan satu kelemahan dan bencana (Modul Pengajian Islam Wawasan Open Universiti).

### Fitrah Keutamaan Fiqh

Istilah keutamaan yang dimaksudkan ialah meletakkan sesuatu pada kedudukannya dengan sewajarnya samada daripada segi hokum, nilai dan pelaksanaannya. Amalan yang mula-mula dikerjakan sewajarnya didahulukan berdasarkan penilaian syariat yang sahih, yang diberi petunjuk oleh cahaya wahyu dan diterangi oleh akal. Ia sejajar dengan ayat Quran dari surah

al-Nur ayat 24-25 iaitu terjemahnya; *".....cahaya atas cahaya...."*. Secara konsepnya, suatu yang sewajarnya didahulukan mesti didahulukan dan yang sewajarnya dikemudiankan mesti dikemudiankan. Suatu yang kecil tidak perlu diperbesarkan dan suatu yang penting tidak boleh diabaikan. Setiap perkara mesti diletakkan di tempatnya dengan seimbang dan tepat, tidak lebih dan tidak kurang sebagaimana difirmankan oleh Allah s.w.t; *"Dan Allah telah meninggalkan langit dan Dia meletakkan neraca (keadilan). Supaya kamu jangan melampau batas tentang neraca itu. Dan tegakkanlah timbangan itu dengan adil dan janganlah kamu mengurangi neraca itu"* (surah al-Rahman 55:7-9).

Pada asasnya bahawa sesungguhnya nilai, hukum, pelaksanaan dan pemberian beban tanggungjawab menurut pandangan agama adalah berbeza di antara satu dengan yang lain. Semuanya tidak berada pada satu tahap. Ada yang besar dan ada yang kecil; ada yang merupakan asasnya dan ada pula yang merupakan cabang; ada yang berbentuk rukun dan ada pula yang hanya sekadar pelengkap; ada persoalan yang didahulukan tempat utama tetapi ada pula hanya merupakan persoalan sampingan. Ia diperjelaskan dalam al-Quran terjemahannya: *"Apakah mereka yang memberi minuman kepada orang-orang yang mengerjakan ibadah haji dan menguruskan masjid al-haram, kamu samakan dengan mereka yang beriman kepada Allah dan Hari Kemudian serta berjihad di jalan Allah?. Mereka tidak sama di sudut Allah; dan Allah tidak memberikan petunjuk kepada kaum Muslim yang zalim. Mereka yang beriman dan berhijrahserta berjihad di jalan Allah dengan harta benda dan diri mereka, adalah lebih tinggi darjatnya di sudut Allah; dan itulah orang-orang yang mendapat kemenangan"* (surah Al-Tawbah 9: 19-20).

Umat Islam perlu diperingatkan bahawa para sahabat memiliki kehairahan untuk mengetahui amalan yang paling utama (iaitu yang diutamakan), untuk mendekati diri kepada Allah s.w.t. Oleh itu, terlalu banyak pertanyaan yang mereka tanyakan kepada Baginda Nabi Muhammad s.a.w. mengenai amalan yang paling mulia, amalan yang paling dicintai oleh Allah. Pada masa yang sama Allah mengetahui umatnya dan telah dijelaskan di dalam al-Quran bahawa darjat manusia tidak sama meskipun kemanusiaan mereka sama kerana sesungguhnya ilmu dan amal perbuatan mereka sama sekali berbeza dengan lainnya. Inilah fitrah manusia dan perbezaan inilah yang membezakan kedudukan mereka dari sudut ilmu, amal, ketakwaan dan perjuangan (Yusuf al-Qaradhawi, 2009).

## PRINSIP MAZHAB DALAM ISLAM

Seperti yang dijelaskan, kewujudan pelbagai mazhab dalam Islam merupakan satu rahmat dan kekuatan yang ada pada ajaran agama. Kepelbagaian mazhab membolehkan syariah Islam dilaksanakan oleh manusia pada tempat dan waktu yang berbeza mengikut kesesuaian. Namun begitu, jika tidak difahami dengan baik dan bijaksana, kepelbagaian mazhab ini boleh menimbulkan masalah perpecahan dalam kalangan umat Islam. Oleh itu, bagi mengelakkan keadaan ini, umat Islam perlu memahami fiqh perbezaan pendapat dan menghayati prinsip-prinsipnya secara sahih. Antara prinsip perbezaan mazhab ialah seperti berikut:

Pertama, perbezaan dalam perkara cabang dan furu' sahaja bukan dalam perkara pokok dan usul. Perbezaan yang berlaku dalam persoalan fiqh dan beberapa isu dalam ilmu kalam lebih tertumpu pada persoalan cabang dan furu' sahaja, bukan perkara tentang usul atau dasar. Umpamanya, para fuqaha' dalam mazhab yang berbeza tidak pernah berbeza pandangan tentang kewajipan membayar zakat emas dan perak apabila telah cukup jumlah (*nisab*) dan tempohnya (*haul*), kerana ia termasuk dalam perkara usul atau dasar. Namun

mereka berbeza pendapat tentang kewajipan membayar zakat emas yang dipakai oleh seseorang wanita sebagai perhiasan. Perbezaan ini tidak menimbulkan sebarang masalah kerana ia hanya perkara cabang sahaja. Secara ringkasnya, hanya dalam hal furu' atau cabang sahaja yang dibolehkan berlakunya perselisihan dan perkara usul atau prinsip tidak dibenarkan sama sekali. Contohnya ialah dalam hal berkaitan solat, perkara usul ialah bilangan rakaat solat seperti maghrib yang telah ditetapkan tiga rakaat baik bagi yang bermusafir mahupun bagi yang bermukim. Maka tiada perselisihan pendapat ataupun berijtihad untuk menambah atau mengurangkan bilangan rakaatnya. Bagaimanapun, dalam hal furu' atau yang bukan rukun seperti cara mengangkat kedua-dua tangan ketika takbir, perbezaan pendapat adalah dibenarkan kerana Rasulullah s.a.w. sendiri pernah menunjukkan beberapa cara yang berbeza ketika bersolat.

Kedua, tidak boleh menyalahkan pihak lain yang berbeza dari segi furu' dan cabang sahaja. Setiap pihak atau ahli mazhab yang berbeza tidak boleh menyalahkan antara satu sama lain. Ini kerana dalam masalah cabang atau ranting, tidak ada satu pihak yang memonopoli kebenaran. Kebenaran mungkin berada pada semua pihak yang berbeza pandangan tersebut. Dengan itu mereka semua berada pada pihak yang benar.

Ketiga, bekerjasama dalam perkara yang disepakati dan bertolak ansur dalam perkara yang tidak dipersetujui. Setiap mazhab yang berbeza pandangan dalam perkara tertentu mempunyai persamaan dalam banyak perkara yang lain. Oleh itu, mereka mestilah menumpukan perhatian kepada usaha melaksanakan apa yang dipersetujui bersama bukan kepada perbezaan antara mereka. Keempat, tidak boleh melampau dalam sesuatu pandangan yang dipegang. Syariat Islam ialah agama yang sangat menganjurkan kesederhanaan. Ini termasuklah juga dalam perkara yang berkaitan dengan mazhab. Pegangan terhadap sesuatu mazhab hendaklah secara sederhana dengan menerima kemungkinan adanya kesilapan pada pihak diri sendiri dan adanya kebenaran pada pihak orang lain. Kelima, bersangka baik dengan pihak yang lain. Syariat Islam sangat menekankan tentang keperluan bersikap baik sangka sesama umat Islam dan menghindarkan sikap berburuk sangka.

Keenam, berdialog dan berbincang dengan baik. Islam juga sangat menekankan keperluan berdialog dan berbincang bagi mencari titik pertemuan dan menyelesaikan masalah. Namun terdapat juga keadaan walaupun selepas berdialog, mereka masih tidak ditemui titik pertemuan, maka ia bermakna mereka perlu menerima perbezaan. Namun, perbezaan bukanlah bermakna permusuhan kerana perbezaan terutamanya dalam perkara yang cabang dan ranting sahaja merupakan rahmat Allah s.w.t. kepada hamba-Nya. Ini adalah antara prinsip perbezaan mazhab dan sikap yang perlu dimiliki oleh umat Islam dalam menghadapi kepelbagaian mazhab dan pendapat sesama mereka. Jika sikap ini dapat dihayati sebaiknya, maka akan tercapailah seperti apa yang disebutkan oleh Rasulullah s.a.w. bahawa perbezaan pandangan dalam kalangan umatnya merupakan satu rahmat (Alias Othman dan Anisah AB. Ghani, 2008).

### Prinsip Keutamaan Fiqh

Tiada keraguan bahawa kefahaman terhadap pekerjaan yang perlu diutamakan memiliki hubungan yang erat dengan memahami nas syariat yang bersifat separa. Maklum bahawa terdapat nas yang separa ini berkaitan dengan tujuan secara umum, kaedah umum, sehingga yang separa ini dapat dikembalikan kepada yang umum dan sebaliknya masalah yang berkaitan

dengannya dapat dikembalikan kepada yang asas. Apa yang penting ialah membezakan antara nas yang bersifat qat'dan nas yang bersifat zanni, antara nas yang muhkam dan nas yang mustasyabih. Nas yang zanni mesti difahami berasaskan yang qati'dan nas yang mutasyabih mesti difahami dalam kerangka nas yang muhkam. Kefahaman seperti ini amat penting juga untuk memahami Sunnah rasulullah sebagai penjelas, pendetail, memberi persoalan bentuk separa dan tahap pelaksanaannya (Yusuf Al-Qaradhawi, 2015).

Prinsip keutamaan yang penting adalah seperti berikut:

- 1) Mengutamakan kualiti berbanding kuantiti
- 2) Keutamaan ilmu sebagai syarat profesion berbanding amalan
- 3) Mengutamakan peroslan yang ringan dan mudah berbanding peroslan berat dan sulit
- 4) Keutamaan pebuatan yang manfaat berbanding yang merugikan
- 5) Keutamaan pekerjaan yang lebih lama manfaat dan lebih kekal kesannya
- 6) Keutamaan terhadap perkara yang diperintahkan (utamakan asas berbanding cabang dan utamakan fardhu berbanding sunat dan nawfil)
- 7) Keutamaan terhadap perkara yang dilarang (dengan bezakan antara kekufuran, kemusyrikan dan kemunafikan)
- 8) Keutamaan mencapai pembaikan
- 9) Memahami keutamaan warisan pemikiran
- 10) Memahami keutamaan dakwah para reformis moden  
(Yusuf al-Qaradhawi, 2009)

## **RAHMAT MERAIKAN KEPELBAGAIAN MAZHAB DI MALAYSIA**

Malaysia adalah negara yang berpegang dengan mazhab Syafie tetapi tetap membenarkan bertaklid kepada mazhab lain. Sejarah membuktikan bahawa pengamalan mazhab Syafie dalam pendidikan dan perundangan di Malaysia sudah berlangsung begitu lama. Malah pihak berkuasa negeri-negeri (kecuali Perlis) terus menjadikan mazhab ini sebagai asas kepada perundangan Islam seperti mana yang termaktub dalam Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam mereka. Bagaimanapun, terdapat juga peruntukan yang membenarkan dibuat penafsiran hukum berdasarkan kepada mazhab-mazhab yang lain jika pandangan mazhab Syafi'ie dalam permasalahan tertentu menimbulkan masyaqqah (kesusahan) atau berlawanan dengan kemaslahatan umum.

Misalnya, Seksyen 39 (2) Akta Pentadbiran Agama Wilayah Persekutuan (1984) menyebut, "Jika mufti berpendapat bahawa dengan mengikut qaul muktamad Mazhab Syafie akan membawa keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam, mufti bolehlah mengikut *qaul* muktamad Mazhab Hanafi, Maliki atau Hanbali". Sebagai contoh, Malaysia mengguna-pakai pandangan mazhab Hanafi dalam ibadat zakat. Ini kerana mengikut mazhab Syafie, zakat fitrah ditunaikan menggunakan makanan ruji bagi sesebuah negara seperti beras, gandum dan seumpamanya. Bagaimanapun, oleh kerana penggunaan beras boleh menimbulkan masalah dari segi pengangkutan dan penyimpanan serta kesulitan untuk menukarkannya semula kepada wang ringgit maka para ulama bersetuju zakat dibayar dengan duit mengikut nilai beras. Manakala bagi mereka yang mengerjakan haji atau umrah pula, salah satu rukunnya ialah tawaf di mana wuduk perlu dijaga daripada batal. Dalam mazhab Syafie, bersentuh tanpa lapik antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram sama ada dengan syahwat atau tanpanya dianggap membatalkan wuduk. Dalam hal ini, para jemaah dibenarkan mengguna pakai pandangan mazhab lain seperti Hanafi atau

Hanbali yang mana bersentuhan tanpa lapik antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram secara sengaja atau tidak tanpa disertakan dengan syahwat dianggap tidak membatalkan wuduk. Ini adalah keringanan kepada para jemaah kerana jumlah yang mengerjakan haji atau umrah itu sangat ramai pada setiap tahun dan kemudahan mengambil wuduk juga agak jauh dari Kaabah (Utusan online, 2006).

Demikian juga dalam hal-hal yang berkaitan dengan muamalat seperti urus niaga perbankan Islam di negara Malaysia banyak menggunakan pandangan para ulama dalam mazhab Hanafi. Ini kerana al-Imam Abu Hanifah itu sendiri adalah seorang ulama yang terlibat secara langsung dalam bidang perniagaan. Ia menyebabkan bidang perbankan Islam amat berkembang di Malaysia hingga kini. Contohnya ialah *bai' as-salam* (penjualan secara tempahan) secara umumnya tidak dibenarkan oleh para ulama Syafii'yyah (ulama dalam mazhab Syafi'e). Mereka hanya membenarkan jual beli dibuat ke atas barang yang sudah tersedia atau yang sudah siap. Ini bertujuan untuk menjaga hak dan kebajikan sipembuat tempahan kerana dikhuatiri ada pelanggan yang membuat tempahan tetapi tidak mengambilnya apabila sudah siap. Namun, ada keharusan kaedah jual beli ini jika bayarannya dijelaskan secara keseluruhan dan tidak cukup hanya dengan membayar deposit. Bagaimanapun, para ulama dalam mazhab selain Syafie membenarkan *bai' as-salam* walaupun dengan membayar deposit sahaja (Alias Othman dan Anisah AB. Ghani, 2008).

## **SYARAT-SYARAT MERAIKAN PELBAGAI MAZHAB**

Namun, terdapat syarat yang perlu ada di kalangan umat Islam sebelum bertaklid kepada mazhab lain. Pertamanya ialah yang paling utama iaitu perlu mempunyai ilmu berkaitan melalui proses pembelajaran berguru. Ilmu yang amat penting ialah mengetahui dan mempelajari dalil-dalil berkaitan dari Quran dan Sunnah, fiqah, tafsir dan Bahasa Arab. *Taklid* buta atau ikut-ikutan secara semberono amatlah tidak digalakkan dalam Islam kecuali untuk sesetengah kumpulan dalam masyarakat. Kedua, seseorang itu mestilah mengetahui sesuatu ilmu yang berkaitan dengan kadar yang mencukupi.

## **KESIMPULAN**

Dari perbincangan di atas, jelas bahawa kewujudan mazhab hanya merupakan natijah daripada penggunaan kaedah dan cara penilaian yang berbeza-beza antara para ulamak yang mujtahid. Perbezaan ini berlaku pada perkara-perkara cabang dan furu' sahaja, bukan dalam perkara yang dasar atau asas. Dengan itu perbezaan mazhab bukanlah sesuatu yang patut menjadi asas kepada perpecahan dan perbalahan sesama umat Islam. Walaupun umat Islam pada hari ini berasal dari mazhab yang berbeza, mereka perlulah mencontohi sikap yang diamalkan oleh setiap imam mazhab tersebut. Kepelbagaian mazhab merupakan satu rahmat dan anugerah Allah s.w.t. kepada umat Islam. Mereka tidak wajib terikat dengan sesuatu pandangan sahaja dalam hidup mereka. Ini memudahkan umat Islam untuk menjalani kehidupan yang berbeza-beza mengikut perbezaan tempat dan waktu dan menghadapi cabaran hidup dengan penuh hikmah dan bijaksana. Pada masa yang sama, umat Islam turut patut mengetahui keutamaan dalam fiqah agar segala perbezaan samada dalam mazhab dan perselisihan lebih mudah diselesaikan.

## RUJUKAN

- Alias Othman dan Anisah Ab. Ghani. 2008. *Islam yang Mudah*, PTS Pub. Selangor.
- Pemikiran Mazhab dalam Islam* dalam modul matapelajaran Pengajian Islam (Kod WLA 104/03) terbitan Wawasan Open Universiti.
- Wartawan Mohd Radzi Mohd Zin, *Perbezaan Mazhab dalam Islam Bawa Rahmat* dalam Bicara Agama Utusan Online, 19/09/2006.
- Yusuf Al-Qaradhawi. 2009. *Keutamaan Fiqh*, terjemahan Bahruddin Fannani, Blue-T Pub., Kuala Lumpur.
- Yusuf Al-Qaradhawi. 2015. *Fiqh al-Ikhtilaf*, Shabab Book Link, Selangor.